

Pelajar di seberang laut dikecam.

Dr. M: Biasiswa sebahagian dari dasar DEB

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mengecam segolongan pelajar Melayu di seberang laut yang menentang pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Mereka mendakwa dasar tersebut tidak adil kepada kaum lain terutama kepada orang-orang China dan India, tambahnya.

Jadi, mereka tidak menyokong sama sekali Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan meningkatkan taraf hidup orang-orang Melayu, katanya semasa berucap kepada penduduk kawasan Changloon di Sekolah Kebangsaan Changloon, 25 batu dari sini, semalam.

Tetapi, mereka tidak sedar bahawa biasiswa yang mereka terima untuk melanjutkan pelajaran di luar negeri adalah

ALOR SETAR, Ahad

sebahagian dari Dasar Ekonomi Baru, tegasnya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, mengikut Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan memberi peluang yang banyak kepada pelajar-pelajar Melayu melanjutkan pelajaran dalam berbagai bidang di universiti-universiti tempatan dan luar negeri.

Mereka digalakkan mengikuti pengajian dalam jurusan-jurusan yang melayakkan mereka menjadi penguam, doktor, jurutera saintis, arkitek dan sebagainya, tambah beliau.

Bagi pelajar-pelajar yang ibubapa mereka miskin dan tidak mampu membiayai pelajaran anak-anak mereka, Kerajaan memberikan biasiswa untuk membolehkan pelajar-pelajar tersebut mengejar cita-cita masing-masing.

Menurut beliau, pelajar-pela-

jar yang mendapat biasiswa menuntut di luar negeri diberikan elaun lebih daripada gaji pegawai-pegawai Kerajaan yang baru berkerja.

Biasiswa itu diberi kerana Kerajaan berpendapat sangat penting bagi mereka mendapat pelajaran tinggi.

Bagaimanapun, setelah mereka pergi keluar negeri, setengah-setengah daripada pelajar itu telah lupa, dan mereka mengecam Kerajaan kerana mengadakan Dasar Ekonomi Baru.

Tetapi mereka lupa bahawa biasiswa yang mereka terima itu adalah merupakan sebahagian daripada Dasar Ekonomi Baru.

"Kalau mereka betul-betul tidak suka kepada Dasar Ekonomi Baru, adalah lebih baik bagi mereka balik saja ke negara ini dan berikan biasiswa yang mereka terima itu kepada rakan-rakan mereka daripada keturunan China dan India," tegasnya.